

Turun padang memasak, bersihkan dewan menempatkan penduduk terlibat di Lembah Bertam

## Siswa UMP bantu mangsa banjir lumpur

HM (A.I.M) P-LW 27/10/13 m/s



PELAJAR UMP yang menjalankan kerja sukarelawan membantu mangsa banjir Lembah Bertam bergambar di Dewan Orang Ramai Ringlet, Cameron Highlands, baru-baru ini. - UTUSAN/ALI MAHMOOD

Oleh ALI MAHMOOD  
utusanpahang@utusan.com.my

### CAMERON HIGHLANDS

29 Okt. - Sebanyak 12 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) daripada Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) turun padang membantu keluarga mangsa banjir lumpur di Lembah Bertam, Ringlet di sini baru-baru ini.

Pasukan sukarelawan itu dikenali oleh Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar UMP, Abdul Na'eem Suhaimee bersama-sama lima mahasiswa dan enam siswi.

"Kami berasa terpanggil untuk membantu mangsa yang terlibat dengan banjir lumpur itu dan mengikut perancangan awal kami akan membersihkan rumah-rumah mangsa.

"Bagaimanapun sebaik sahaja kita di tempat kejadian, pasukan labatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) tidak membenarkan kami masuk atas sebab-sebab keselamatan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini kelmarin.

Menurut beliau, ini berikutan ke-

Kami berasa terpanggil untuk membantu mangsa yang terlibat dengan banjir lumpur itu dan mengikut perancangan awal kami akan membersihkan rumah-rumah mangsa

ABDUL NA'EEM SUHAIMEE  
Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar UMP

semua struktur rumah mangsa telah musnah, teruk dan tidak selamat untuk dimasuki.

Tambahnya, selepas itu beliau dan rakan-rakannya diminta membantu keperluan mangsa yang ditemparkan sementara di Dewan Orang Ramai Ringlet.

Katanya, pada hari pertama lagi, walaupun lemah kerana perjalanan mengambil masa enam jam dari Pekan untuk sampai ke lokasi kejadian tetapi semangat mereka tidak hentur bagi membantu mangsa.

"Pelajar-lelaki menjalankan kerja-kerja pembersihan dewan termasuk membersihkan tandas untuk keselesaan mangsa yang menem-

patkan lebih 53 orang daripada 21 keluarga.

"Pelajar wanita pula membantu kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengemas, memasak dan menyediakan makanan," ujarnya.

Selain itu, beliau berkata, mereka mempelajari banyak perkara antaranya mendapati ramai rakyat negara ini yang begitu prihatin kepada mangsa bencana.

"Banyak pihak tampil menghururkan bantuan seperti makanan, minuman dan barang keperluan lain seperti pakaian, tikar, selimut, bantal, permainan kanak-kanak dan sebagainya," katanya.